



Keadaan Tanjung Layang yang tercemar akibat kandang babi di sekitar Kampung Batu Laut.

Kampung Batu Laut bau najis babi

→ Sisa mengalir ke kawasan pelancongan, cemari Pantai Morib

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

✦ **Tanjung Sepat**

Ketiadaan penyelesaian terhadap isu pencemaran najis babi sekitar daerah Kuala Langat di sini, bukan setakat menghimpit penduduk, malah menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada sektor ekonomi dan pelancongan setempat.

Pelupusan sisa dan najis babi yang gagal dibuat dengan sempurna, menyebabkan ia terkumpul sekitar pantai, kuala sungai dan tanjung, hingga menyebabkan pencemaran menjejaskan semua pihak.

Najis babi juga didakwa mula mengalir ke kawasan pelancongan sekitar perairan Bagan Lalang serta mencemari Pantai Morib, yang menjadi tumpuan ramai terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

Pencemaran sekitar Kampung Batu Laut yang juga penempatan tertua di daerah Kuala Langat, kini semakin buruk apabila sungai sekitar kawasan itu terutama Sungai Giling dicemari teruk oleh najis babi.

Malah, pencemaran najis babi menyebabkan penduduk Tanjung Layang yang suatu ketika dulu terkenal dengan pengeluaran belacan, terpaksa menghentikan perusahan kecil terbabit sejak enam tahun lalu.

Situasi itu meresahkan penduduk tempatan, kerana Sungai Mesuk menempatkan pangkalan yang menjadi tumpuan lebih 100 nelayan kecil yang dikhuatiri berdepan nasib sama kerana ketika ini, penternakan babi berselerak dan dijalankan tanpa kawalan.

Buat saluran haram

Penduduk khuatir, pengusaha ternakan babi membuat saluran 'haram' ke sungai itu sebagai cara

mudah bagi melupuskan sisa dan najis seperti sudah dilakukan terhadap Sungai Giling selama ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pangkalan Sungai Mesuk, Jamaluddin Bulat, berkata pihaknya pernah mengesan perbuatan itu beberapa tahun lalu, namun sempat dicegah sebelum pencemaran semakin parah terhadap sungai terbabit.

"Ketika itu, kami mendapati air sungai yang mengalir ke laut keruh serta berbau busuk. Perkara pertama yang kami jangka adalah sungai mula diceroboh penternak babi berdekatan.

"Jangkaan kami tepat apabila menemui satu saluran dibuat penternak yang menyalurkan air pembersihan kandang babi ke dalam sungai ini. Kami segera membuat bantahan dan saluran itu kemudiannya ditutup," katanya kepada BH.

Jamaluddin berkata, tidak mustahil kejadian itu berulang kerana kandang babi sekitar kawasan itu

terlalu banyak dan tidak diurus dengan baik.

"Inilah yang terjadi kepada Sungai Giling dan jeti nelayan Tanjung Layang apabila penternak membuat saluran untuk menyalurkan sisa najis ke sungai yang mengalir ke laut.

"Najis tidak merebak ke tengah laut sebaliknya berkumpul di pantai dan dalam sungai sehingga menyebabkan tanah dan pantai bertukar hitam serta berbau busuk," katanya.

Jamaluddin berkata, dilema yang dihadapi penduduk Tanjung Sepat khususnya sekitar Kampung Batu Laut sudah lama dan tidak berkesudahan kerana tiada tindakan lanjut oleh pihak berkuasa.

"Isu babi di kampung ini bukan perkara baharu dan sudah berlarutan sejak berpuluh tahun lamanya. Ketika ini hanya tinggal dua jeti yang masih bertahan, namun kami tidak tahu apa nasib selepas ini, katanya.



Info

Isu najis babi di Kampung Batu Laut

- **2,800 penduduk** Kampung Batu Laut
- **80 peratus** penduduk Islam
- **100 nelayan** menggunakan jeti Batu Laut
- **50 penternak** babi berselerak
- **2 saluran** tercemar sepenuhnya



Jangkaan kami tepat apabila menemui satu saluran dibuat penternak yang menyalurkan air pembersihan kandang babi ke dalam sungai ini. Kami segera membuat bantahan dan saluran itu kemudiannya ditutup"

Jamaluddin Bulat,
Pengerusi Persatuan Nelayan Pangkalan Sungai Mesuk



Salah satu kandang babi di Batu Untung Kampung Batu Laut.